



BULETIN

MDKL

MAJLIS DAERAH KUALA LANGKAT

EDARAN PERCUMA

EDISI 1 / 2018



Amerah Perkhidmatan Cemerlang

DAN MALAM PENGHARGAAN MDKL 2017

PERUTUSAN YDP

Assalamualaikum wbt.

Keberhasilan sesuatu perancangan adalah hasil daripada sinergi yang berfungsi di antara semua warga di sesebuah organisasi. Kerjasama erat yang dijalankan dalam melaksanakan norma kerja menjadi penentu bagi pencapaian misi dan visi khususnya dalam sektor perkhidmatan awam.

Sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 yang telah berlangsung pada awal bulan Mac yang lalu, Sekalung tahniah saya ucapkan kepada kakitangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, juga kepada Ahli Majlis yang terpilih, pesara tahun 2017 dan 2018 dan Anggota Skwad PANTAS yang telah bertungkus lumus menunaikan tanggungjawabnya

Sebagai penjawat awam yang bertugas di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), saya menyeru agar semua pihak mengekalkan momentum kerja cemerlang untuk MDKL terus menerima seberapa banyak pengiktirafan disamping mempertingkatkan usaha bagi memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu dan menepati ekspektasi pelanggan dan penduduk.

Hadapilah segala masalah yang mendatang dengan menganggapnya sebagai cabaran dan peluang serta bersikap positif dalam menghadapinya. Lapangkan hati, fahami tanggungjawab hakiki dan sempurnakan amanah yang diberikan dengan penuh efisien dan berintegriti.

Yang Berbahagia,
Mohamad Zain bin A Hamid, SIS.,PPT.

PENAUNG

MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, SIS.,PPT.
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

PENASIHAT

ENCIK MOHD YASIN BIN ALWI, AIS.
TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

KETUA PENGARANG

ENCIK MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN

Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Aluan YDP / Isi Kandungan / Sidang Redaksi	2
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Malam	3
Penghargaan MDKL 2017 / Hari Keluarga MDKL 2018	
Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Bilangan 1 Tahun 2018 / Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Negeri Selangor 2018	4
Pelancaran Program CSR "Guna Saya Semula" /	5
Pertandingan Pidato Peringkat Sekolah Menengah Sempena Kempen 3R Daerah Kuala Langat	
Program Ecosystem Approach to Fisheries Management – di Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang / Taklimat Pelaksanaan Gerakan Revolusi Anti-Rasuah (Gerah)	6
Penyerahan Limau oleh Ahli Majlis Sempena Perayaan Tahun Baru Cina Tahun 2018 / Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat MDKL / Mesyuarat Tergempar Isu Tapak Perkuburan Hindu	7
Sesi Taklimat Sempena Kempen #bebasplastik & Taklimat Pengurusan Sampah di Premis Perniagaan / Program Penceriaan Pantai Morib Sempena Pelaksanaan Program Pantai Angkat Negeri Selangor	8
Cabaran Pantai Morib 2018 / 28 Februari 2018 Sesi Penilaian Kedua Panel Juri Anugerah Sungai Angkat Negeri Selangor Di Pantai Morib Dan Paya Bakau Sijangkang.	9
Ragam APC MDKL 2017	10
Ragam Hari Keluarga 2018	11
Mesyuarat Town Hall Bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) / Mesyuarat Mendengar Bantahan Pindaan Senarai Nilai Tahunan Bagi Penggal 1/2018 MDKL	12
Sesi Undian Tapak Bazar Ramadhan Tahun 2018 / Perbincangan Mengenai Pembaharuan Lesen Bagi Permohonan Perubahan Material Penggunaan Bangunan Bagi Tujuan Tadika dan Taska di Daerah Kuala Langat	13
Mesyuarat SKT Tahun 2018 dan Pencapaian Januari-Disember 2017 / Perjumpaan Bersama Peniaga Kedai PLB Batu 37 Kampung Bukit Changgang	14
Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Bulanan Kali 1/2018 dan Sempena Pembinaan Bangunan Baru MDKL / Majlis Bacaan Yaasin Tahun 2018, Majlis Daerah Kuala Langat	15
Operasi Penguatkuasaan & BSP	16
Pelaksanaan Program MPP	18
Skuad pantas	20

PENGARANG

ENCIK MOHD SHAUKI BIN JAMALUDIN

PENOLONG PENGARANG

ENCIK NORHISHAM BIN OTHMAN
ENCIK MOHAMAD AZAMUDDIN BIN ARIS
ENCIK SAMSUL BIN ZAINUN

JURUFOTO

ENCIK NORHISHAM BIN OTHMAN
ENCIK SAMSUL BIN ZAINUN
ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS



Pada 3 Mac 2018 Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah berjaya menganjurkan satu majlis Malam Penghargaan MDKL 2017. Majlis penghargaan yang meriah tersebut telah diadakan pada malam yang begitu santai di Glory Beach Resort, Port Dickson bertemakan 'santai bersama keluarga'.

Lebih 1000 orang yang terdiri daripada warga MDKL bersama ahli keluarga meraikan 52 penerima anugerah APC, Penghargaan kepada Ahli Majlis, Pesara Tahun 2017 dan 2018 serta Penghargaan Skuad Pantas. 24 orang kakitangan pelbagai gred dan jawatan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada malam tersebut.

Majlis dilaksanakan bagi menghargai jasa dan komitmen warga kerja yang merupakan aset utama dan tulang belakang yang memainkan peranan penting bagi memperkasakan pengoperasian organisasi MDKL serta mengangkat imej MDKL sebagai pihak berkuasa tempatan yang cemerlang. Pemberian anugerah ini menjadi dorongan kepada seluruh warga kerja MDKL untuk mempertingkatkan prestasi kerja dan melaksanakan tugas. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat.



HARI KELUARGA MDKL 2018

Pada 4 Mac 2018 telah diadakan Hari Keluarga Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) 2018 bertempat di Glory Beach Resort, Port Dickson dengan jumlah penyertaan seramai lebih 800 orang. Program ini diadakan bertujuan mengeratkan ikatan silaturahim disamping berhibur dan beriadah bersama pengurusan tertinggi, ahli majlis dan kakitangan yang turut disertai ahli keluarga sebagai ganjaran kepada komitmen dan kesetiaan kakitangan dalam memberi perkhidmatan terbaik MDKL kepada orang awam dan pelanggan. Turut diadakan aktiviti sukaneka serta cabutan bertuah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat.





MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN BILANGAN 1 TAHUN 2018



Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Bilangan 1 Tahun 2018 telah diadakan pada 19 Januari 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) yang telah diselaraskan bersama Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan MDKL. Mesyuarat yang bertujuan membincangkan isu dan permasalahan pembangunan di setiap daerah dalam Negeri Selangor. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB. Tuan Ean Yong Hian Wah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru. Kehadiran mesyuarat melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah/Tanah di negeri Selangor.



ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG NEGERI SELANGOR 2018

Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Negeri Selangor 2018 (APPC) telah diadakan pada 22 Mac 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) yang telah diselaraskan bersama urus setia APPC Pejabat Kerajaan Negeri Selangor dan MDKL. Seramai 10 orang juru audit telah membuat proses audit mengikut kategori yang telah ditetapkan. Dalam sesi pengauditan tersebut ketua panel audit telah memaklumkan keputusan dan beberapa penambahbaikan untuk pihak MDKL mengambil tindakan selanjutnya. Tuan Mohd Yasin Bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL antara yang turut terlibat dalam majlis menyambut kehadiran panel audit dan urus setia APPC. Beliau turut merasmikan majlis penutup auditan Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Negeri Selangor 2018 (APPC) di MDKL.





PELANCARAN PROGRAM TANGGUNG JAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) "GUNA SAYA SEMULA"

Majlis Daerah Kuala Langat dan Showa Denko Carbon (M) Sdn. Bhd dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuala Langat telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) "Guna Saya Semula" pada 10 Februari 2018 bertempat di ruang legar Pasaraya Giant Banting. Program ini telah diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan (LA 21) Majlis Daerah Kuala Langat. Program telah dirasmikan oleh YB. Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar. Program turut dihadiri oleh YB. Tuan Haji Hasnul bin Baharuddin, DUN Morib, Tuan Mohd Yasin bin Alwi. Timbalan Yang Dipertua MDKL dan Ahli Majlis MDKL.

Program "Guna Saya Semula" merupakan sebuah aktiviti yang menggunakan sependuk dan gegantung terpakai dengan menghasilkan beg guna semula. Ianya selaras dengan kempen #bebasplastik Negeri Selangor dan bermatlamat untuk mengurangkan penggunaan beg plastik serta menggalakkan orang ramai menggunakan beg guna semula semasa membeli belah.



PERTANDINGAN PIDATO PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH SEMPENA KEMPEN 3R DAERAH KUALA LANGAT

Pada 27 Mac 2018 telah diadakan Pertandingan Pidato Peringkat Sekolah Menengah Sempena Kempen 3R Daerah Kuala Langat bertemakan "Alam Sekitar & 3R (Reuse, Reduce & Recycle) di Kompleks Sukan Daerah Kuala Langat yang telah diselaraskan bersama oleh Jabatan Perancangan Pembangunan (LA 21) MDKL dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat. Seramai 20 orang peserta pidato telah mengambil bahagian yang terdiri daripada pelajar sekolah seluruh Daerah Kuala Langat.

Johan Pertandingan Pidato pada kali ini dimenangi oleh adik Usha a/p Muthusamy dari SMK Sg. Manggis, Naib Johan disandang oleh adik Zahrul Aizat bin Mukmin dari Sek. Agama Menengah Tinggi Ampuan Rahimah dan Tempat Ketiga dimenangi oleh adik Muhammad Khamil bin Muhamad Syukor dari SMK Sg. Manggis.





PROGRAM "ECOSYSTEM APPROACH TO FISHERIES MANAGEMENT" – MELEPASKAN BENIH IKAN DAN GOTONG ROYONG PEMBERSIHAN DI TAMAN REKREASI PAYA BAKAU SIJANGKANG

Pada 10 Mac 2018 telah diadakan Program "Ecosystem Approach to Fisheries Management" – Melepaskan Benih Ikan dan Gotong Royong Pembersihan di Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang yang telah dianjurkan bersama Jabatan Perikanan Kuala Langat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), JKK Kampung Sijangkang dan Jabatan Perancang Pembangunan (LA21) Majlis Daerah Kuala Langat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah gotong royong membersihkan kawasan sekitar Taman Rekreasi Paya Bakau dan melepaskan benih anak ikan di Muara Sungai. Program berkenaan dirasmikan oleh YB. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor.



TAKLIMAT PELAKSANAAN PROGRAM GERAKAN REVOLUSI ANTI-RASUAH (GERAH)



Pada 13 Februari 2018 yang lalu bertempat di Dewan Kompleks Sukan MDKL Banting, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengadakan Program Gerakan Revolusi Anti-Rasuah (GERAH) melibatkan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi tahun 2018. Bahagian yang terlibat adalah Bahagian AMLFOPD Ibu Pejabat SPRM. Dalam program tersebut diadakan sesi taklimat berkaitan Pelaksanaan Gerakan Revolusi Anti-Rasuah yang telah disampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya SPRM, Encik Mohd Raylan bin Mohd Isa. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh TPJ Tuan Mohd Fikri bin Ab Rahim, Pengarah Bahagian AMLFOP Ibu Pejabat SPRM. Majlis turut dihadiri oleh Tuan Mohd Yasin Bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL dan 100 kakitangan MDKL.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BUAH LIMAU OLEH AHLI MAJLIS MDKL SEMPENA TAHUN BARU CINA 2018

Pada 6 Februari 2018 yang lalu Ahli Majlis Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Sumbangan Buah Limau Manderin bertempat di Lobi Pejabat Majlis Daerah Kuala Langat bersempena Sambutan Tahun Baru Cina bagi tahun 2018. Majlis dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua MDKL, Ahli Majlis MDKL, Ketua Jabatan dan Kakitangan MDKL. Majlis penyerahan buah limau telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL.

MESYUARAT ISU TAPAK PERKUBURAN HINDU



Pada 5 Februari 2018 telah diadakan satu Mesyuarat Tergempar Isu Tapak Perkuburan Hindu yang melibatkan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Langat. Mesyuarat telah diadakan di Bilik Mesyurat Seri Morib, Pejabat Daerah Kuala Langat. Mesyuarat dihadiri oleh Tuan Mohd Jusni bin Hasim, Pegawai Daerah Kuala Langat, Penolong Pegawai Daerah, Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat dan beberapa orang pengarah kanan MDKL.

SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA PERINGKAT MDKL TAHUN 2018



Pada 6 Mac 2018 yang lalu Ahli Majlis Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat MDKL Tahun 2018 bertempat di Lobi Pejabat Majlis Daerah Kuala Langat, bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia bagi tahun 2018. Majlis dihadiri seramai 60 orang yang terdiri daripada Timbalan Yang Dipertua MDKL, Ahli Majlis MDKL, Ketua Jabatan dan Kakitangan MDKL. Gimik memotong kek Sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat MDKL telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL bersama Ahli Majlis adalah aktiviti utama di Malis Perasmian program tersebut disamping edaran bunga ros merah kepada kakitangan MDKL.



SESI TAKLIMAT, SEMPENA KEMPEN #BEBASPLASTIK & TAKLIMAT PENGURUSAN SAMPAH DI PREMIS PERNIAGAAN



Pada 16 Januari 2018 satu Sesi Taklimat Sempena Kempen #Bebasplastik & Taklimat Pengurusan Sampah di Premis Perniagaan telah berjaya dianjurkan oleh Jabatan Perancang Pembangunan (LA21) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bersama UPEN dan syarikat-syarikat pembekal pembungkusan mesra alam (biogradable) di Dewan Komplek Sukan MDKL, Banting. Taklimat telah disampaikan oleh Encik John Oaklay dan Puan Marianie binti Rahman, Penolong Pengarah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN. Seramai 100 orang pemilik premis perniagaan terlibat program tersebut. Sesi Taklimat turut dihadiri oleh Ahli Majlis MDKL, Pengarah Jabatan MDKL dan Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Tengku Dato' Mohamed Al Haj bin Tengku Harun, YDM. Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Kuala Langat bersama Puan Marianie binti Rahman, Penolong Pengarah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN.



PROGRAM PENCERIAAN PANTAI MORIB SEMPENA PELAKSANAAN PROGRAM PANTAI ANGKAT NEGERI SELANGOR

Pada 20 Januari 2018 satu program gotong royong penceriaan Pantai Morib telah diadakan sempena program Pantai Angkat Negeri Selangor bagi tahun 2018. Program tersebut merupakan anjuran Jabatan Perancangan Pembangunan (LA 21) Majlis Daerah Kuala Langat bersama MPP Zon 24, Penghulu Mukim Morib/Kelanang dan Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Faqeh, Tongkah. Aktiviti gotong royong sekitar kawasan pantai morib telah dijalankan dengan melibatkan lebih kurang 100 orang peserta.

SESI PENILAIAN KEDUA PANEL JURI ANUGERAH SUNGAI ANGKAT NEGERI SELANGOR DI PANTAI MORIB DAN TAMAN REKREASI PAYA BAKAU SIJANGKANG



Pada 28 Februari 2018 Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menerima kunjungan dari pasukan Juru Audit dari Kerajaan Negeri Selangor sempena Sesi Penilaian Kedua Panel Juri Anugerah Sungai Angkat Negeri Selangor di Pantai Morib dan Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang. Panel penilai terdiri dari pegawai Lembaga Urus Selangor Negeri Selangor (LUAS). Pantai Morib dipilih mewakili Daerah Kuala Langat dalam kategori Pantai dan Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang dipertandingkan dalam kategori Sungai sempena Pertandingan Pantai dan Sungai Angkat peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2017 yang dianjurkan oleh Lembaga Urus Selangor Negeri Selangor (LUAS).



CABARAN MEMANCIING PANTAI MORIB 2018



Pada 24 Mac 2018 Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menganjurkan Cabaran Memancing Pantai Morib 2018 di Pantai Morib, Selangor. Program adalah anjuran bersama Kerajaan Negeri Selangor dan MDKL dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan. Hanya kategori ikan terberat sahaja dipertandingkan dengan yuran penyertaan RM30 bagi satu joran. Setiap pemenang dari tempat pertama hingga ke-40 menerima hadiah wang tunai disamping hadiah cabutan bertuah. Bagi tempat pertama, pemenang membawa pulang wang tunai RM12,000, tempat kedua RM3,000 dan tempat ketiga RM1,000, manakala bagi tempat keempat dan kelima, masing-masing menerima hadiah wang tunai RM700 dan RM500. Peserta juga membawa pulang TV LED 32 inci dan hamper melalui cabutan bertuah. Seramai 1,080 orang peserta telah mengambil bahagian dalam penganjuran pada tahun ini. Penyampaian hadiah disampaikan oleh YB Tuan Haji Hasnul bin Baharuddin ADUN kawasan Morib.



RAGAM APC MDKL 2017



GLORY BEACH RESORT

RAGAM HARI KELUARGA MDKL 2018



MESYUARAT MENDENGAR BANTAHAN PINDAAN SENARAI NILAIAN TAHUNAN BAGI PENGGAL 1/2018 MDKL



Pada 18 Januari 2018 telah diadakan Mesyuarat Mendengar Bantahan Pindaan Senarai Nilai Tahunan Bagi Penggal 1/2018 di Bilik Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat yang telah diselenggarakan Oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Kuala Langat. Mesyuarat diadakan untuk mendengar bantahan penduduk terhadap nilai cukai taksiran yang perlu dibayar oleh mereka. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi Timbalan Yang Dipertua MDKL.



Pada 29 Mac 2018 Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Daerah Kuala Langat telah menganjurkan Mesyuarat "Town Hall" Bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bertempat di Dewan Sri Jugra, Telok Datok. Objektif mesyuarat ini dianjurkan adalah bagi mendapatkan pandangan serta mendengar penjelasan mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan MDKL secara dua hala bersama PIBG. Mesyuarat dikendalikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid dibantu Tuan Mohd Yasin bin Alwi Timbalan Yang Dipertua MDKL. Turut serta wakil Ketua Polis Daerah Kuala Langat yang telah menyampaikan dan berkongsi maklumat berkenaan vandalisme dan gangsterisme dalam kalangan pelajar. Program ini juga turut dihadiri oleh pensyarah dan pelajar dari fakulti Perundangan UiTM Shah Alam untuk sesi khidmat masyarakat berkaitan perundangan.

MESYUARAT "TOWN HALL" BERSAMA PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG)



PERBINCANGAN MENGENAI PEMBAHARUAN LESEN BAGI PERMOHONAN PERUBAHAN MATERIAL KEGUNAAN BANGUNAN KEDIAMAN DAN PERNIAGAAN BAGI TUJUAN TADIKA DAN TASKA



Pada 18 Januari 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan satu sesi Perbincangan Mengenai Pembaharuan Lesen Bagi Permohonan Perubahan Material Kegunaan Bangunan Kediaman dan Perniagaan Bagi Tujuan Tadika dan Taska di daerah Kuala Langat bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning, MDKL yang melibatkan pengusaha tadika dan taska di daerah Kuala Langat. Objektif perbincangan kali ini adalah untuk mengatasi masalah pemantauan premis-premis yang telah mendapat kelulusan KM tetapi tidak membuat pelanjutan kebenaran merancang. Pihak Jabatan telah membuat cadangan bagi penyelarasan tindakan penguatkuasaan untuk tujuan ini dan penambahbaikan dibuat bagi tempoh kelulusan KM dari 12 bulan kepada 36 bulan. Sistem pemantauan menggunakan (Sistem CLASS) dibina serta dibantu dengan Sistem "Blocking" yang dilaksanakan oleh Jabatan Pelesenan adalah cara untuk menghadapi dan mengatasi masalah ini dimasa akan datang. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi Timbalan Yang Dipertua MDKL.

SESI UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADHAN TAHUN 2018



Pada 21 Mac 2018 Jabatan Pelesenan, Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan satu sesi Undian Tapak Bazar Ramadan Tahun 2018 bertempat di Dewan Kompleks Sukan MDKL, Banting. Untuk bazar ramadan yang terlibat dalam sesi undian pada tahun ini adalah Bazar Pekan Banting, Bazar Taman Langat Murni, Bazar Tanjung Sepat dan Bazar Batu Laut. Empat bazar tersebut dikendalikan oleh pihak MDKL dan selainnya adalah dikendalikan oleh pihak JK Kampung dan MPP Zon.

- | | | |
|-----------------------------|-----------------------------|----------------------------------|
| 1. Bazar Pekan Banting | 5. Bazar Taman Datok Hormat | 9. Bazar Taman Banting Baru |
| 2. Bazar Taman Langat Murni | 6. Bazar Taman Seri Medan | 10. Bazar Bandar Saujana Putra 1 |
| 3. Bazar Tanjung Sepat | 7. Bazar Taman Rambai Indah | 11. Bazar Bandar Saujana Putra 2 |
| 4. Bazar Batu Laut | 8. Bazar Bandar Sg. Emas | 12. Bazar Taman Pahlawan |

MESYUARAT SKT TAHUN 2018 DAN PENCAPAIAN JANUARI-DISEMBER 2017



Pada 24 hingga 26 Januari 2018 Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan Mesyuarat SKT Tahun 2018 dan Pencapaian Januari-Disember 2017 Di Hotel Zenith Kuantan, Pahang yang melibatkan semua pengurusan tertinggi Majlis Daerah Kuala Langat. Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari tersebut adalah untuk membincangkan pencapaian tahun 2017 dan SKT 2018 bagi setiap Jabatan/Unit/Bahagian dan telah dipengerusikan sendiri oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid. Turut hadir, Tuan Timbalan Yang Dipertua dan semua Pengarah/Ketua Unit serta Ketua Bahagian MDKL.



PERJUMPAAN BERSAMA PENIAGA KEDAI PLB BATU 37 KAMPUNG BUKIT CHANGGANG

Pada 16 Januari 2018, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat diiringi Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MDKL serta Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MDKL dan beberapa pegawai telah membuat satu lawatan kerja ke tapak Kedai PLB Batu 37 Kampung Bukit Changgang bagi mendengar aduan dan pandangan daripada peniaga dan wakil kampung.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL BULAN JANUARI 2018 DAN SEMPENA PEMBINAAN BANGUNAN BARU MDKL

Pada 22 Januari 2018 telah diadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil Bulan Januari 2018 dan Sempena Pembinaan Bangunan Baharu MDKL di Bilik Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat yang telah diselaraskan oleh Jabatan Perbendaharaan. Bacaan yasin diketuai oleh Tuan Haji Fauzi bin Din dan Majlis turut dihadiri oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat serta kakitangan MDKL yang lain.

MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL BULAN MAC 2018

Pada 30 Mac 2018 telah diadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahliil Bulan Mac 2018 yang telah diadakan di kediaman rasmi Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Telok Datok. Majlis dihoskan oleh Jabtan Penilaian dan Pengurusan Harta. Bacaan yasin diketuai oleh Tuan Haji Fauzi bin Din dan Majlis turut dihadiri oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat dan Tuan Mohd Yasin bin Alwi Timbalan Yang Dipertua MDKL dan kakitangan MDKL.





OPS SITAAN DI HADAPAN CIMB BANTING

Pada 3 Januari 2018, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan Ops Sitaan di hadapan Bank CIMB, Banting. Mereka telah dikenakan tindakan dibawah UUK 3, UUK Penjaja (MDKL 2007), menjalankan aktiviti perniagaan tanpa kebenaran daripada pihak MDKL.



SITAAN PENIAGA DURIAN

Pada 7 Januari 2018, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan Ops Sitaan di hadapan Grand Union, Telok Panglima Garang. Mereka telah dikenakan tindakan dibawah UUK 3, UUK Penjaja (MDKL 2007), menjalankan aktiviti perniagaan tanpa kebenaran daripada pihak MDKL.

Pada 10 Januari 2018, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan Ops Sita Kenderaan Lori Sampah Terlantar di Taman Banting Baru. Mereka telah dikenakan tindakan dibawah Sek 46 (1)(e), Akta 133, Meletakkan Kereta Buruk Di Mana-Mana Tempat Awam.



SITAAN KENDERAAN LORI SAMPAH TERLANTAR



**SITAAN KERJA TANAH DI JALAN BATU 10,
KEBUN BARU BERSAMA
JK, PDT, DAN IPD KUALA LANGAT
PADA 1 FEBRUARI 2018**





OPS HALANGAN KAKI LIMA DI BSP

Pada 5 Februari 2018, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan Operasi Halangan Kerusi Meja Restoran Ditempat Awam. Mereka telah dikenakan tindakan dibawah UUK 3, UUK Penjaja (MDKL 2007), menjalankan aktiviti perniagaan tanpa kebenaran daripada pihak MDKL.

SITAAN LORI SAMPAH DI BSP

Pada 3 Januari 2018, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan Sitaan Sebuah Lori Sampah Haram. Mereka telah dikenakan tindakan dibawah UUK 4, UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah- Sarap (MDKL) 2007



OPERASI IKLAN HARAM

Pada 8 Februari 2018, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melaksanakan Operasi Iklan Haram di JALAN SP1, Bandar Saujana Putra. Mereka telah dikenakan tindakan dibawah UUK 4 (b), UUK Vandalisme (MDKL),2005.



OPERASI KENDERAAN TERLANTAR DI TELOK BUNUT PADA 19 MAC 2018

PROGRAM ANJURAN MPP



MPP 2

Puan Rogayah binti Ibrahim
Program Gotongroyong Cegah
Denggi Bersama Tmn Iram Perdana



MPP 2

Puan Rogayah binti Ibrahim
Program Ziarah Ibu2 Tunggal



MPP 2

Puan Rogayah binti Ibrahim
Program Ziarah Mangsa Kebakaran



MPP 5

Tuan Hj. Ab Rahman b. Amir
Gotong Royong Pembersihan
Sampah Haram Dan Pengindahan
Sebagai Landskap



MPP 5

Tuan Hj. Ab Rahman b. Amir
Pemberian Tong Sampah
Taman Datuk Hormat



MPP 7

YDM Tengku Mohamed
bin Tengku Harun
Ceramah Perdana



MPP 7

YDM Tengku Mohamed
bin Tengku Harun
Pertandingan Bola Sepak
5 Sebelah



MPP 12

Encik Tiew Chee Hock .
Sambutan Tahun Baru Cina



MPP 12

Encik Tiew Chee Hock .
Sambutan
"Chap Goh Mei 2018"

PROGRAM ANJURAN MPP



MPP 13

YBhg. Dato' Dr Yahya bin Baba
Program Peduli Rakyat
Sempena CNY 2018



MPP 13

YBhg. Dato' Dr Yahya bin Baba
Karnival Rakyat 2018 Kg Endah



MPP 13

YBhg. Dato' Dr Yahya bin Baba
Karnival Ponggal



MPP 18

En. Wong Kim Loon
Program Rumah Terbuka Tahun
Baru Cina Di Kompleks
Muhibbah Tg Sepat



MPP 18

En. Wong Kim Loon
Program Gotong Royong
Penyerahan Tong Sampah
Di Pekan Tg Sepat Indah



MPP 18

En. Wong Kim Loon
Sambutan Hari Wanita



MPP 19

En. Gan Yee Chin
Pertandingan Bola Sepak
5 Sebelah



MPP 21

En. Lim Tou Yih
Program Mini Karnival
Usahawan Belia 2018



MPP 21

En. Lim Tou Yih
Program Jom Gotong-Royong
Membersihkan Taman


AKTIVITI SKUAD PANTAS MDKL



Operasi Pemantauan Banjir
10 Januari 2018



Operasi Pemantauan Banjir
11 Januari 2018



Laporan Pokok Tumbang
& Menghalang Laluan Jogging
22 Januari 2018



Operasi Pokok Tumbang Di
Jalan Waja Dan Pemantauan
Banjir Di Kg Lombong
27 Januari 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
4 Februari 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
24 Februari 2018



Operasi Pemantauan Banjir
24 Januari 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
24 Februari 2018

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304
E-mel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my
Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my